

24 Pelajar FKSU UMS Adakan CSR Bersama Penduduk Kg Bangau-Bangau, Semporna

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 20 April 2018 17:27 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 462

[Kongsi 65](#)
[Syorkan 65](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


JUMAAT, 20 APRIL – Seramai 24 orang pelajar tahun tiga Hubungan Antarabangsa Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSU), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan taklimat persediaan dalam menghadapi kebakaran ‘Fire-Drill’ di Kampung Bangau-Bangau, Semporna,

baru-baru ini.

Diadakan dengan kerjasama Pasukan Bomba dan Penyelamat Daerah Semporna, program itu memfokuskan kepada penduduk kampung Bangau-Bangau sebagai satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Menurut Pengarah Program, Susanti Noel, program CSR di kampung ini bertujuan untuk membantu dan memberi pendidikan kepada penduduk kampung bagaimana cara menghadapi kebakaran sekiranya berlaku musibah seperti itu.

Taklimat ringkas mengenai cara-cara memadam api telah disampaikan oleh Ketua Pasukan Bomba dan Penyelamat Daerah Semporna, Fazizul Hizam Borhan.

Penduduk kampung juga berpeluang menyaksikan sendiri demonstrasi memadam api dan menyelamatkan yang ditunjukkan oleh sepuluh orang anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat.

Hadir sama, Ketua Kampung Bangau-Bangau, Muhiddin Akbara dan Jawatankuasa Kampung, Maralbi Almani.

Sumber: Muhammad Nazirudin Roslan, FKSU